



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 JULY 2017

Kenyataan Dr. Mahathir lucu

Um- 11/7/2017 pg. 8

KUALA LUMPUR 10 Julai - Seorang bekas pemimpin kanan PKR menyifatkan kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyokong supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dan dibenar bertanding pada pilihan raya umum akan datang sebagai melucukan.

Mustafa Kamil Ayub yang merupakan bekas Naib Presiden PKR bagaimanapun mengalu-alukan kenyataan dibuat oleh bekas Perdana Menteri itu sebagaimana dilaporkan menerusi *The Guardian*, minggu lalu.

“Kita mengalu-alukan kenyataan Dr. Mahathir. Namun, apa niat beliau yang sebenarnya, itu kita serahkan antara beliau dengan Allah SWT kerana kita pun tidak tahu.

“Walau bagaimanapun, kenyataan itu kalau menoleh aspek sejarahnya pastilah agak melucukan kerana hal ini berlaku sejak beliau menjadi Perdana Menteri sebelumnya,” katanya sebagaimana dipetik daripada portal berita *AntaraPos*.

Rakaman berita dan temubual antara *AntaraPos* dengan Mustafa Kamil boleh ditonton di <https://www.youtube.com/watch?v=ihHxsVIYAeU>.

Dalam pada itu, Mustafa Kamil

percaya Dr. Mahathir perlu memohon maaf secara terbuka sekiranya gesaan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) tersebut supaya membebaskan Anwar turut merujuk kepada tindakannya terhadap Penasihat PKR berkenaan pada 1998.

“Kelihatannya beliau hanya merujuk kepada kes kedua dan tidak merujuk kes pertama. Kalau sebenarnya beliau juga merujuk kepada kes pertama, maka kalangan pelaku yang membuatnya perlu juga diberikan tindakan sewajarnya.

“Jadi demikian, kalau benar-benar nyatakan hal itu termasuk yang pertama, beliau sendiri secara terbuka perlu memohon maaf kepada Anwar dan rakyat Malaysia kerana telah heret rakyat kepada satu krisis politik yang mengheret semua pihak,” jelas beliau.

Ketika ditanya sama ada pendirian Dr. Mahathir itu berubah selepas perjumpaan dengan Naib Presiden PKR yang juga anak Anwar, Nurul Izzah di London baru-baru ini, Mustafa Kamil tidak berpendapat begitu dan memberitahu pertemuan tersebut tidak disengajakan.



**MUSTAFA
KAMIL AYUB**